

Penuntut Usim johan musabaqah MABIMS

NILAI – Pelajar Tamhidi Sains dan Teknologi (Pra-Universiti/Matrikulasi) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Putri Nur Nadia Bakri, 18, mengharumkan nama negara apabila muncul johan dalam Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota Menteri Agama Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) 1436H, baru-baru ini.

Pertandingan yang berlangsung pada 30 Jun hingga 3 Julai lalu di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Brunei Darussalam, disertai lapan peserta terdiri daripada empat lelaki dan empat perempuan dari negara-negara MABIMS.

Dua kategori dipertandingkan iaitu menghafaz Juz 10 al-Quran serta pemahaman Juz 7 dan menghafaz Juz 30 serta pemahaman Juz 20.

Putri Nur Nadia yang bertanding bagi kategori menghafaz Juz 10 al-Quran serta pemahaman Juz 7 t berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai BND4,000 (RM11,278), piala dan sijil penghargaan.

Menurut Putri Nur Nadia, ini merupakan kali pertama beliau mewakili negara dalam pertandingan hafazan di peringkat antarabangsa.

"Alhamdulillah, usaha saya selama ini menghafaz 30 juz al-Quran sejak berada di tingkatan satu, Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar (MITIB), Jugra Selangor berhasil dengan kemenangan ini.

"Sememangnya saingan daripada para peserta MABIMS lain hebat-hebat belaka. Namun ia tidak menjadi halangan bagi saya untuk mencapai kemenangan ini," katanya.

Tambah beliau, sentiasa konsisten mengulang hafalan dan ikhlas ketika membaca al-Quran merupakan petua yang diamalkan sejak dulu lagi selain menjaga pemakanan.

"Ibu juga amat menjaga pemakanan saya, antaranya mengelak makanan berunsur syubhah" katanya yang turut menjuarai pertandingan hafazan di Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-36 dalam kategori 1-20 juzuk pada Mac lalu.

Majlis penyampaian hadiah dan penutup Musabaqah berkenaan telah disempurnakan oleh Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah, pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Brunei Darussalam pada 3 Julai lalu.



Putri Nur Nadia (dua, kanan) bersama dengan trofi kemenangan selepas muncul Johan dalam Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS 1436H bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Brunei Darussalam.